

1. Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dr. Chan :	Selamat pagi, Wee Wern.
Wee Wern :	Doktor, bolehkah doktor terangkan cara-cara penjagaan gigi dengan betul?
Dr. Chan :	Boleh, Wee Wern. Tiada masalah. Langkah pertama ialah kamu harus memilih berus gigi dengan betul. Permukaan berus gigi yang keras akan mengakibatkan kerosaka pada gusi, manakala permukaan berus gigi yang lembut pula tidak akan memberi apa-apa kesan pada gigi.
Wee Wern :	Oh, begitu! Bagaimanakah pula cara-cara untuk memberus gigi dengan betul doktor?
Dr. Chan :	Bagus soalan kamu, Wee Wern. Cara-cara memberus gigi dengan betul penting untuk menjamin kebersihan gigi. Mula-mula, berus permukaan bahagian dalam gigi atas dan bawah dengan menggerakkan berus ke hadapan dan ke belakang. Kemudian, berus permukaan bahagian luar gigi atas dan bawah dengan melakukan bulatan kecil pada gigi. Jangan lupa juga untuk memberus permukaan lidah dengan lembut.
Wee Wern :	Berapa kalikah kita perlu memberus gigi dalam sehari, doktor?
Dr. Chan :	Kita perlu memberus gigi sekurang-kurangnya tiga kali sehari, Wee Wern.
Wee Wern :	Apakah nasihat lain yang boleh doktor kongsi kepada saya dalam hal penjagaan gigi supaya gigi saya menjadi lebih sihat, kuat dan bersih?
Dr. Chan :	Nasihat saya kepada kamu, sentiasalah menjaga kebersihan gigi. Pastikan berus gigi disimpan di tempat yang tertutup agar bebas daripada serangga. Selain itu, kamu mestilah menukar berus gigi setiap tiga bulan sekali ataupun apabila berusnya telah kembang.
Wee Wern :	Baiklah, doktor. Terima kasih atas penerangan doktor tentang penjagaan gigi kepada saya.
Dr. Chan :	Sama-sama, Wee Wern.

1. Permukaan berus gigi yang keras akan

2. Cara-cara memberus gigi yang betul ialah

3. Nasihat doktor ialah pastikan berus gigi disimpan di _____

dan menukar berus gigi _____ sekali

4. Pada pendapat saya, saya perlu menggosok gigi tiga kali sehari kerana